

LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN DI BANGUNAN JABATAN REKABENTUK DAN KOMUNIKASI VISUAL (JRKV)

Tarikh: 26 September 2024

Anjuran: Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV)

Latihan pengungsian di Bangunan Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV) telah berlangsung pada 26 September 2024. Loceng kemasan dibunyikan pada jam 10.30 pagi sehingga 10.40 pagi, iaitu selama 10 minit. Kakitangan dan pelajar bergerak dan berkumpul di tempat yang telah ditetapkan. Pengiraan headcount dilakukan oleh ketua blok di setiap tempat berhimpun. Taklimat berkaitan keselamatan disampaikan oleh wakil jawatankuasa keselamatan jabatan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kepekaan pelajar dan staf tentang aspek keselamatan di premis. Program tamat pada jam 11.10 pagi setelah semua peserta bersurai.

Berikut adalah maklumat terperinci keterlibatan program latihan kebakaran bagi Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV):

Lokasi Perhimpunan	Bilangan Kakitangan	Bilangan Pelajar	Masa Keseluruhan Latihan	Masa Mangsa Keluar Bangunan
Dataran JRKV	38 orang	210 orang	40 minit	10 minit

Program ini berjaya memberikan pendedahan kepada pelajar dan staf jabatan dalam memberi respon dalam keadaan kecemasan apabila loceng kecemasan berbunyi. Pelajar dan kakitangan sedar tentang kepentingan mengetahui laluan kecemasan yang perlu dilalui sekiranya loceng keselamatan berbunyi dan bergerak menuju ke tempat berkumpul yang telah ditetapkan.





